KHAMIS ● 13 NOVEMBER 2008 / 15 ZULKAEDAH 1429 ● BIL: 272 TAHUN KE-42 PP 362/12/2008 ● SEMENANJUNG RM1.50 SABAH/SARAWAK RM2.00

Utusan MALAYSIA
Penyebar Fikiran Rakyat
www.utusan.com.my

Anggota polis cedera ditikam penjenayah

– Muka 15

Perceraian Nash, Sosilawati tak sah

MAHKAMAH Rendah Syariah Gombak Timur memutuskan tidak berlaku perceraian antara penyanyi Jamaluddin Elias atau Nash dengan isterinya, jutawan produk kecantikan, Sosilawati Lawiya.

Elok sama-sama bertaubat

BEKAS penyanyi utama kumpulan Lefthanded, Nash atau nama penuhnya Jamaludin Elias berpendapat ada baiknya dia dan isterinya, Sosilawati Lawiya sama-sama bertaubat untuk menuju ke jalan yang lebih baik.

Mahkamah batalkan nikah suami kedua

SEORANG wanita yang pernah menarik perhatian umum kerana didakwa bersuami dua, Shanum Shaari, 35, diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah supaya dia dipisahkan dengan suami keduanya, Syarif Jasin, 48, bagi mengelak daripada melakukan perkara yang ditegah hukum syarak.

Pengarah skim cepat kaya didakwa

DUA pengarah sebuah syarikat pelaburan skim cepat kaya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas tuduhan menerima deposit kira-kira RM172 juta tanpa memiliki lesen yang sah.

Berita penuh di muka 9

Harga minyak terendah AS$57.90 setong

Berita di muka 20

MB Perak arah jurugambar Utusan serah kamera, padam gambar

MENTERI Besar Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaludin hari ini bertindak di luar dugaan apabila memaksa jurugambar *Utusan Malaysia* menyerahkan kamera dan memadamkan gambarnya yang diambil ketika penyerahan surat tuntutan maaf daripada seorang peguam.

Berita di muka 6

Mampu direalisasikan dalam sistem kehakiman negara ini – Tun Hamid

Gabung sivil, syariah

Oleh NORLIZAH ABAS

PUTRAJAYA 12 Nov. – Undang-undang lazim dan undang-undang syariah di negara-negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam boleh diharmonikan melalui penggabungan kedua-dua mahkamah sivil dan syariah.

Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad berkata, pendekatan itu mampu direalisasikan kerana hakim yang sama boleh mendengar kedua-dua kes sivil dan syariah manakala peguam bukan Islam berhujah mengenai isu yang melibatkan undang-undang syariah.

Kata beliau, pengharmonian undang-undang itu boleh menjadi kenyataan kerana kini pakar yang bukan beragama Islam sudah lama menceburkan diri dalam bidang perbankan, kewangan dan takaful Islam.

"Hasilnya penguatkuasaan undang-undang syariah dalam perbankan Islam berjaya mewujudkan banyak produk berasaskan Islam termasuk akaun simpanan, akaun semasa, kad kredit, takaful dan sukuk yang tidak pernah dibayangkan kewujudannya 50 tahun lalu.

"Dengan ini, penentuan sama ada undang-undang syariah itu sebenar-benarnya berlandaskan Islam, maka sesebuah negara tidak seharusnya berundur ke belakang untuk melihat perbezaannya," katanya ketika membentangkan syarahan di Fakulti Undang-Undang, Universiti Harvard baru-baru ini.

Beliau dijemput menyertai program Pengajian Undang-Undang Islam bagi membentangkan syarahan Al-Razzaq Al-Sanhuri bertajuk 'Mengharmonikan Undang-Undang Lazim dan Undang-Undang Syariah di Malaysia: Satu Pendekatan Praktikal'.

Abdul Hamid turut menegaskan, beliau percaya perkembangan sama boleh berlaku tanpa prejudis di negara-negara yang majoritinya umat Islam.

Menurut beliau, di Malaysia, undang-undang syariah mengambil pendekatan dengan menyerapkan undang-undang sivil asalkan ia tidak bercanggah dengan prinsipnya.

■ Lihat muka 2

PENGANTIN BARU... Pelakon Mohamed Ashraf Daniel Sinclair, 28, dan isterinya, penyanyi Indonesia, Bunga Citra Lestari, 25, yang melangsungkan pernikahan Sabtu lalu, tiba di Kuala Lumpur, petang semalam.

Pasangan tersebut diterbangkan dari Jakarta dengan pesawat peribadi yang ditaja khas, selamat mendarat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) di Subang, Selangor pada pukul 4.50 petang.

Ketika ditemui wartawan, Bunga yang ditanya mengenai pernikahannya berkata, hidupnya kini bertambah bahagia dan bersyukur kerana segala perjalanan majlis pernikahannya berjalan lancar.

● ASHRAF Sinclair dan Bunga Citra Lestari tiba dari Indonesia di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) di Subang, semalam.

– Gambar AHMAD ZAKKI JILAN

Pasukan khas buru pembunuh staf JAIP

POLIS menubuhkan satu pasukan khas untuk memburu empat suspek yang terlibat dalam kejadian samun dan bunuh pekerja sambilan sebuah stesen minyak di Kuala Kangsar, Mohd. Khairuddin Mohamed Isa, semalam.

Berita di muka 13

Radzi dilantik penasihat khas MB Perlis

BEKAS Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad telah dilantik sebagai penasihat khas Menteri Besar Perlis Datuk Dr. Md. Isa Sabu.

Berita di muka 2

Jawatan PM atas sokongan majoriti

Oleh HELMI MOHD. FOAD

> **Orang yang layak menjadi Perdana Menteri adalah pemimpin kepada sebuah parti yang majoriti, jadi janganlah tanya sama ada dia Melayu, Cina atau India**
>
> TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

PUTRAJAYA 12 Nov. – Tun Dr. Mahathir Mohamad membidas pihak tertentu yang cuba membangkitkan persoalan tentang keperluan mempunyai seorang Perdana Menteri dari kalangan bukan Melayu atas alasan agar negara tidak dilihat mengamalkan perkauman.

Bagi beliau, tindakan membangkitkan persoalan tentang Perdana Menteri bukan Melayu itu sendiri sebenarnya adalah bersifat perkauman.

"Tidak sepatutnya soalan itu ditanya, sama ada Melayu atau bukan Melayu. Tidak kira Melayu atau bukan Melayu, jika seseorang itu diterima oleh rakyat Malaysia, dia layak untuk menjadi Perdana Menteri.

"Sudah tentu berbeza dengan Singapura, tidak ada pemimpin bukan Cina yang boleh menjadi Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucaptama pada siri syarahan Perdana 'Bangsa Malaysia' di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Menurut bekas Perdana Menteri, undang-undang negara menetapkan sesiapa sahaja boleh menjadi Perdana Menteri dan tiada sebarang spesifikasi bahawa pemimpin negara mesti diketuai oleh orang Melayu.

"Tetapi spesifikasinya ialah orang yang layak menjadi Perdana Menteri adalah pemimpin kepada sebuah parti yang majoriti, jadi janganlah tanya sama ada dia Melayu, Cina atau India.

"Sepatutnya tanyalah kepada pakatan pembangkang, kenapa pilih (Datuk Seri) Anwar Ibrahim jadi pemimpin, mengapa tidak orang Cina," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pemerintahan yang dikuasai oleh parti berasaskan kaum masih lagi relevan bagi memastikan kestabilan negara terus terjamin apatah lagi ia ternyata berjaya mengurangkan perdebatan perkauman sejak 50 tahun lalu.

"Di Malaysia, kita yang terdiri daripada pelbagai kaum boleh bekerjasama secara politik dan sebarang usaha untuk menghapuskan amalan itu perlu dilakukan secara perlahan-lahan dan bukannya mengejut," katanya.

Beliau berkata, parti berasaskan kaum masih diperlukan kerana rakyat Malaysia belum bersatu sepenuhnya sehingga rancangan kerajaan untuk mewujudkan Sekolah Wawasan telah ditolak.

"Hendak buka sekolah yang membolehkan anak-anak kita (pelbagai kaum) belajar bersama-sama pun ditolak, jadi macam mana kita hendak ketepikan kaum, anda tolak Sekolah Wawasan bermakna anda mahu kekalkan perasaan kaum, katanya.

SEKILAS...

KESESAKAN jalan raya di bandar besar seluruh dunia biasanya disebabkan pelbagai faktor. Antara punca yang biasa ialah ketidakseimbangan infrastruktur jalan raya, sistem pengangkutan awam yang lemah, undang-undang yang tidak menyeluruh dan sebagainya. Bagaimanapun, Venezuela mempunyai satu penyumbang unik kepada kesesakan di bandarnya, iaitu harga petrol yang terlalu murah. Ketika negara lain bergelut dengan harga minyak mentah yang tinggi, negara itu mengekalkan harga petrolnya pada kira-kira AS$0.03 sen seliter. Harga yang paling murah di dunia ini telah dinikmati penduduknya sejak 1998.

● *Grafik:* FAIRUL HAFIZ B RAZALI ● *Penyelidik:* KAMARUZAMAN AHMAD

Waktu Sembahyang

Takaful IKHLAS®

Subuh	5.40
Syuruk	7.00
Zuhur	1.00
Asar	4.22
Maghrib	6.58
Isyak	8.10

Kuala Lumpur dan kawasan sewaktu dengannya

SENYUM KAMBING

e-browse

Dapatkan suratkhabar secara online terus kepada anda setiap hari dengan hanya

MALAYSIA 40 sen/hari
Jimat sehingga 75% daripada membeli suratkhabar di pasaran.

PERCUMA 2 minggu percubaan e-browse dari 15 Okt – 15 Nov 2008 untuk semua pelanggan Streamyx @ ebrowse.bluehyppo.com

Tidak kiralah di mana sahaja anda berada, e-browse akan membawakan suratkhabar tempatan terus kepada anda. Bacalah berita secara online, satu mukasurat pada satu masa, seolah membaca suratkhabar yang sebenar.

Hubungi 100 | Klik www.tm.com.my | Kunjungi TMpoint

Suratkhabar yang terdapat di e-browse ialah:
Star · Straits Times · Mail · Times · Metro · Berita Harian · Utusan · Kosmo! · 南洋商报

* Tertakluk kepada terma dan syarat.

Penyedia Perkhidmatan Broadband Terbaik 2008
Penyedia Perkhidmatan Suara Alternatif Terbaik 2008
Frost & Sullivan Malaysia Telecoms Awards

TM Merintis kemungkinan
Telekom Malaysia Berhad (128766-P)